

Pencuri larikan enam jam RM2 juta

PETALING JAYA: Koleksi syiling emas keluaran terhad dan wang kertas Bank Negara Malaysia (BNM) serta enam jam tangan berjenama bernilai lebih RM2 juta antara barangan dibawa lari sekumpulan penjenayah yang memecah masuk rumah seorang kenamaan di Seksyen 16, di sini, kelmarin.

Difahamkan, selain barangan berkenaan yang disimpan dalam peti besi milik mangsa, sepucuk pistol bersama 62 peluru yang berada dalam bilik tidur utama turut lesap.

Kejadian itu berlaku antara jam 3 petang dan 12 tengah malam kelmarin, ketika



CEDERA...Nur Aisyah dirawat di HSJ.



REMUK...Pegawai Penyiasat Trafik, Inspektor Mohd Radzy Rasul melihat kereta mangsa yang terbabat kemalangan.


Budak diseret 10km

Kanak-kanak tercampak keluar kereta bapa terbabas elak bangkai haiwan mati ngeri

NIBONG TEBAL: Seluruh badannya hancur hingga menampakkan tulang, manakala kepalanya pula berkecai dan hanya meninggalkan cebisan rambut.

Begitu keadaan mayat seorang kanak-kanak, Muhammad Aslam Maricar Said Ibnu Salam, 3, yang diseret sejauh 10 kilometer oleh sebuah kenderaan selepas dia tercampak keluar dari kereta dinaikinya bersama keluarga yang terbabas kerana mengelak bangkai haiwan di atas jalan.

Lebih memilukan apabila mayat mangsa hanya ditemui tiga jam selepas kereta dipandu bapanya, Said Ibnu Salam G M Ismail, 47, ter-



babas ketika cuba mengelak bangkai anjing di Kilometer 168.4, Lebuhraya Utara-Selatan arah utara, di sini, ma-

lam kelmarin.

Mayat mangsa dalam keadaan mengerikan itu ditemui pengguna lebuhraya di

Cari anak tapi tak jumpa

SEBERANG JAYA: "Puas saya cari arwah di kawasan kemalangan termasuk hutan berhampiran lebuhraya, tetapi tidak jumpa," kata Said Ibnu Salam G M Ismail Maricar, 47, bapa Muhammad Aslam Maricar, 3.

Menurutnya, hanya Tuhan yang tahu bagaimana perasaannya apabila mendapati Muhammad Aslam tiada di tempat kejadian sejurus selepas kemalangan.

Said Ibnu Salam berkata, dia tidak menyedari anaknya



SAID IBNU SALAM...anak diseret kenderaan lain

itu sudah diseret kenderaan lain ketika tercampak keluar dari kereta dinaikinya sehingga dia menerima panggilan telefon daripada kenalan yang meminta dia segera ke Hospital Seberang Jaya (HSJ), di sini, kerana anaknya sudah ditemui.

"Saya segera ke Hospital Seberang Jaya dan menyangka arwah selamat, namun setibanya di situ luluh hati saya melihat keadaannya dalam keadaan menyayat hati," katanya yang ditemui di HSJ, semalam.

Terseret 10 kilometer

tepi jalan berhampiran Hentian Sebelah Sungai Bakap, dekat sini, sebelum memaklumkan kepada polis.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan, Superintendan Shafien Mamat berkata, kejadian berlaku jam 8.45 malam apabila kereta Ford Laser yang dinaiki mangsa sekeluarga dalam perjalanan dari Bukit Merah Lake Town Resort di Taiping, Perak menuju rumah mereka di Jalan Shaik Madar, Ayer Itam, Georgetown, dekat sini.

Menurutnya, bapa mangsa yang memandu kereta terbabat gagal mengawal kenderaannya sejurus cuba mengelak bangkai anjing di atas lebuhraya.

Katanya, keadaan itu menyebabkan kenderaan berkenaan terbabas sebelum berpusing dan melanggar besi penghadang di tengah lebuhraya.

"Dalam keadaan cemas itu,

mangsa dan adik perempuannya (Nur Aisyah Aslam) berusia dua tahun yang duduk di tempat duduk penumpang belakang tercampak keluar dari kereta.

"Adik perempuannya terperosok dalam longkang berhampiran, manakala mangsa dipercayai tercampak ke tengah laluan sebelum diseret kenderaan lain yang melalui kawasan itu," katanya.

Menurut Shafien, selain Muhammad Aslam Maricar, Nur Aisyah dan bapa mereka, Said Ibnu Salam, turut berada dalam kereta sama ialah dua abang mangsa iaitu Zulqarnain Aslam, 14, dan Shahrol Ramadhan, 12, ibu mereka, Nuris Berutu, 40, dan ibu saudaranya, Nurjadi, 28.

Katanya, mangsa lain cedera ringan dan dibawa ke Hospital Sungai Bakap (HSB) untuk rawatan.

"Nur Aisyah dipindahkan ke Hospital Seberang Jaya (HSJ) untuk menerima rawatan lanjut berikutan kecederaan di mulut dan mukanya, manakala yang lain hanya menjalani rawatan sebagai pesakit luar di HSB," katanya.

Menurutnya, siasatan lanjut masih dijalankan dan kejadian itu disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Difahamkan, mangsa berkemungkinan diseret sebuah kenderaan berat dan polis masih berusaha mengesan kenderaan itu.

mangsa dan keluarganya keluar untuk meraikan majlis sambutan hari jadi di sebuah hotel berhampiran.

Mangsa yang enggan dikenali berkata, dia hanya menyedari kejadian itu ketika pulang ke rumah apabila mendapati tingkap dapur terbuka manakala tiga bilik tidur di tingkat atas pula berselerak.

"Ketika meninggalkan rumah, saya memasang televisyen bagi mengelirukan orang kononnya rumah ini berpenghuni kerana pembantu rumah dibawa bersama.

"Bagaimanapun, apabila kami sekeluarga pulang, saya dapati televisyen sudah terpadam dan bertambah terkejut apabila mendapati tiga bilik di tingkat diselongkar manakala barang berharga hilang," katanya.

Katanya, penjenayah terbabat memanjat tembok batu di tepi rumahnya sebelum membuka tingkap di bahagian dapur menggunakan sejenis alat dan menuju tingkap atas.

Menurutnya, kejadian itu yang keempat berlaku sepanjang 31 tahun tinggal di rumah berkenaan namun tiga kejadian sebelum ini gagal.

"Saya tidak menolak kemungkinan penjenayah itu kumpulan sama yang cuba menyamun sebelum ini kerana mereka seolah-olah tahu selok-belok rumah dan tempat saya menyimpan barangan berharga.

"Mereka juga langsung tidak menyentuh barangan di tingkat bawah termasuk kunci kereta yang digantung ruang tamu," katanya.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my